

U B436 AAB  
MAHATHIR - EKONOMI R R R R  
(I)  
DARIPADA AZMAN UJANG

VANCOUVER, 15 OKT (BERNAMA) -- NEGARA-NEGARA MAJU HENDAKLAH MEMBERHENTIKAN AMALAN MENYELESAIKAN MASALAH EKONOMI MEREKA DENGAN MENGORBANKAN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA MAJU MEMPUNYAI TABIAT BERPAKAT UNTUK MERUMUSKAN FORMULA BAGI MENYELESAIKAN MASALAH EKONOMI MEREKA SECARA BERSAMA TANPA MEMIKIRKAN KESANNYA KEPADA NEGARA SEDANG MEMBANGUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN PADA SESI PERBINCANGAN MENGENAI EKONOMI DUNIA PADA PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DI SINI HARI INI.

PAKATAN DI KALANGAN MEREKALAH (NEGARA MAJU) YANG MENYEBABKAN KENAIKAN NILAI YEN JEPUN YANG KESANNYA MENYEBABKAN MALAYSIA TERPAKSA MEMBAYAR 60 PERATUS LEBIH BAGI PINJAMAN YEN, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MENYERTAI SECARA AKTIF PERBINCANGAN YANG DIADAKAN SEJAK DUA HARI LALU, BERKATA NEGARA MAJU TIDAK BOLEH MENGENEPIKAN KEPENTINGAN NEGARA SEDANG MEMBANGUN DALAM SISTEM EKONOMI DUNIA. -- LAGI.

1814MST 15 10 87

U B449 AAB  
MAHATHIR - EKONOMI 2 VANCOUVER R R R R  
(I)

SEHUBUNGAN DENGAN INI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN WAKIL DARI NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN MENYERTAI PERBINCANGAN EKONOMI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

PERDANA MENTERI JUGA MENIMBULKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENGELUAR KOMODITI UTAMA YANG JUMLAH PERDAGANGANNYA MEROSOT TAHUN DEMI TAHUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA NEGARA MAJU HARUSLAH MENERIMA HAKIKAT BAHAWA KEMAJUAN DI NEGARA-NEGARA PENGELUAR KOMODITI UTAMA BUKAN SAHAJA MEMBANTU PENGELUAR SENDIRI BAHKAN RAKAN MEREKA DALAM KONTEKS MENINGKATKAN PEMBELIAN.

PERDANA MENTERI BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENGELUAR KOMODITI BERPUNCA DARIPADA SUBSIDI OLEH SESETENGAH NEGARA MAJU DAN JUGA AMALAN TIDAK SIHAT.

SEBAGAI CONTOH, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYEBUT MENGENAI KEMPEN ANTI MINYAK SAWIT DI AMERIKA SYARIKAT YANG DILANCARKAN OLEH PARA PELADANG KACANG SOYA TETAPI BERKATA MALAYSIA TELAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TERTENTU BAGI MENANGKIS KEMPEN ITU. -- LAGI.

1844MST 15 10 87

U B460 AAB  
MAHATHIR - EKONOMI 3 VANCOUVER R R R R  
(I)

+JIKA BERJAYA, IA JUGA MEMANFAATKAN PENGELUAR LAIN BAGI MINYAK SAWIT ATAU MINYAK TROPIKA LAIN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. PERDANA MENTERI BERKATA SEPERTI NEGARA PENGELUAR TIMAH YANG LAIN, MALAYSIA JUGA MENGHADAPI MASALAH BUKAN SAHAJA BAGAIMANA UNTUK MENGATASI MASALAH LEBIHAN TIMAH BAHKAN MEMBENDUNG ANCAMAN OLEH PENGGANTI KEPADA TIMAH.

BELIAU BERKATA PENGELUAR-PENGELUAR TIMAH BEKERJASAMA BAGI MENYELERASKAN PENGELUARAN DI SAMPING MENJALANKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) UNTUK MEMPELBAGAIKAN PENGGUNAAN LOGAM ITU.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERUNDING DENGAN PERDANA MENTERI PAPUA NEW GUINEA (PNG), PIAIAS WINGTI DI HOTEL PAN PACIFIC DI SINI.

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAINAL ABIDING SULONG MEMBERITAHU PARA WARTAWAN MALAYSIA BAHAWA PEMIMPIN PNG ITU MEMBERI TAKLIMAT KEPADA PERDANA MENTERI MENGENAI KEADAAN DI KEPULAUAN NEW CALEDONIA, YANG MASIH DI BAWAH PEMERINTAHAN PERANCHIS DAN RAMPASAN KUASA BARU-BARU INI DI FIJI. -- LAGI.

1853MST 15 10 87

D340

U B464 AAB  
MAHATHIR - EKONOMI 4 VANCOUVER R R R R  
(I)

MENURUT PERDANA MENTERI PNG ITU, KEADAAN DI NEW CALEDONIA SEMAKIN BURUK SEMENTARA NEGARNYA MENGAMALKAN PENDIRIAN YANG SEDERHANA MENGENAI ISU DI FIJI.

BELIAU MEMBERITAHU RAKAN SEJAWATANNYA DARI MALAYSIA BAHAWA PADA UMUMNYA, MASALAH DI FIJI IALAH AKIBAT KEBIMBANGAN MASYARAKAT BANGSA FIJI TERHADAP PENGUSAHAAN EKONOMI NEGARA ITU OLEH MASYARAKAT FIJI KETURUNAN INDIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBAGAI NEGARA YANG TERDIRI DARIPADA MASYARAKAT MAJMUK, MALAYSIA MEMAHAMI MASALAH DI FIJI DAN NEGARA-NEGARA LAIN TIDAK SEHARUSNYA +MENGHUKUM FIJI.+

KATA PERDANA MENTERI, MALAYSIA MEMPUNYAI HUBUNGAN YANG RAPAT DENGAN FIJI DAN TENTERA FIJI JUGA TELAH MEMBANTU SEMASA DARURAT DI MALAYA.

BELIAU BERKATA FIJI JUGA MEMINTA BANTUAN MALAYSIA APABILA MENGGUBAL PERLEMBAGAAN SEBELUM MERDEKA DARIPADA BRITAIN. -- BERNAMA.  
1910MST 15 10 87